

29 MAR 1998

Mahathir-Asem

DR MAHATHIR BERLEPAS KE LONDON

KUALA LUMPUR, 29 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berlepas ke London malam ini untuk menyertai pemimpin-pemimpin lain Asia dan Kesatuan Eropah (EU) pada Mesyuarat Asia-Eropah (Asem) yang bermula Isnin.

Mesyuarat tiga hari itu akan dihadiri oleh 15 anggota EU, China, Jepun, Korea Selatan dan semua negara anggota Asean kecuali Myanmar dan Laos.

Dr Mahathir diiringi oleh Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Turut berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Abdul Aziz Shah Subang untuk mengucapkan Selamat Jalan kepada Dr Mahathir dan isteri ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, Menteri Pendidikan Datuk Najib Tun Razak, Menteri Penerangan Datuk seri Mohamed Rahmat, Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Tajol Rosli Ghazali dan beberapa pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Mesyuarat kali ini ialah yang kedua bagi Asem. Mesyuarat pertamanya diadakan di Bangkok pada 1996.

Asean berharap dapat menggesa penubuhan Tabung Perdagangan dan Pelaburan Asia-Eropah bagi memperbaharui keyakinan di kalangan masyarakat Eropah terhadap ekonomi rantau ini.

Kenyataan berasingan mengenai krisis kewangan Asia juga dijangka akan diminta oleh kontinjen Asia pada akhir mesyuarat itu.

Kenyataan itu akan menyatakan bahawa masalah Asia bukan hanya merupakan masalah kewangan tetapi juga mempunyai kesan politik, keselamatan serta sosial.

Britain telah mencadangkan penubuhan Dana Amanah Asem, dengan kerjasama Bank Dunia, bagi menyediakan bantuan teknikal untuk menstrukturkan semula kewangan dan memeriksa kesan sosial akibat masalah rantau ini.

Dana itu juga akan menyediakan sedikit bantuan kewangan. -- BERNAMA  
RAZ NAK